



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN E-MODUL *SUDAWIL*
UNTUK PENDIDIKAN NILAI-NILAI MURNI BERDASARKAN
KERANGKA SADDIECT**

*A NEEDS ANALYSIS FOR DEVELOPING THE SUDAWIL E-MODULE FOR
MORAL VALUES EDUCATION WITHIN THE SADDIECT FRAMEWORK*

A. Tracy Valerian^{1*}, Julita Norjietta Taisin²

¹ Fakulti, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: tracyvalerian03@gmail.com

² Fakulti, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: norjietta@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 23.06.2025

Revised date: 15.07.2025

Accepted date: 21.08.2025

Published date: 12.09.2025

To cite this document:

Valerian, A. T., & Taisin, J. N. (2025). Analisis Keperluan Pembangunan E-Modul SUDAWIL Untuk Pendidikan Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Kerangka SADDIECT. *International Journal of Modern Education*, 7 (26), 858-870.

DOI: 10.35631/IJMOE.726057

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstract:

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis keperluan membangunkan e-modul *sudawil* bagi pendidikan nilai-nilai murni berdasarkan kerangka SADDIECT. Reka bentuk kajian kuantitatif berasaskan soal selidik telah digunakan. Seramai 44 orang guru Bahasa Kadazandusun tahap dua sekolah rendah di daerah Ranau dan Kota Marudu telah dipilih sebagai responden kajian secara persampelan rawak mudah. Instrumen kajian ini ialah soal selidik analisis keperluan pembangunan e-modul *sudawil* bagi pendidikan nilai-nilai murni mengikut kerangka SADDIECT. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 26. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan keperluan membangunkan e-modul *sudawil* bagi memenuhi keperluan murid tahap dua sekolah rendah yang masih kurang memahami makna tersurat dan tersirat serta nilai-nilai yang terkandung dalam *sudawil*. Kebanyakan responden juga bersetuju bahawa penggunaan audio dapat membantu penguasaan pengetahuan murid dalam *sudawil* dengan nilai min 4.55. Selain itu, keupayaan interaktif e-modul serta maklum balas melalui latihan turut dikenal pasti dapat meningkatkan penguasaan pengetahuan murid terhadap *sudawil* dengan nilai min 4.41 bagi kedua-dua item tersebut. Pembangunan e-modul *sudawil* bagi pendidikan nilai-nilai murni berasaskan kerangka SADDIECT merupakan salah satu pemboleh ubah penting dalam pendekatan dan kaedah pengajaran guru Bahasa Kadazandusun yang merangkumi pengajaran di bilik darjah, konteks, proses, dan hasil pembelajaran.

Kata kunci:

E-Modul, *Sudawil*, SADDIECT, Pendidikan Nilai-Nilai Murni, Kadazandusun

Abstract:

This study was conducted to analyse the need for developing the *sudawil* e-module for moral values education based on the SADDIECT framework. A quantitative research design using a questionnaire was employed. A total of 44 Kadazandusun language teachers teaching upper primary pupils in the Ranau and Kota Marudu districts were selected as respondents through simple random sampling. The research instrument used was a needs analysis questionnaire for the development of the *sudawil* e-module for moral values education in accordance with the SADDIECT framework. Data were analysed descriptively using SPSS version 26. The findings revealed that the majority of respondents agreed on the need to develop the *sudawil* e-module to meet the needs of upper primary pupils who still struggle to understand both the explicit and implicit meanings, as well as the values embedded in *sudawil* (traditional folk songs). Most respondents also agreed that the use of audio aids enhances pupils' knowledge acquisition of *sudawil*, with a mean score of 4.55. Furthermore, the interactive features of the e-module and the feedback provided through practice activities were also identified as helpful in enhancing pupils' understanding of *sudawil*, with both items recording a mean score of 4.41. The development of the *sudawil* e-module for moral values education based on the SADDIECT framework is identified as a key variable in the teaching approaches and methods used by Kadazandusun language teachers, encompassing classroom instruction, context, process, and learning outcomes.

Keywords:

E-Modul, *Sudawil*, SADDIECT, Moral Values, Kadazandusun

Pendahuluan

Kaum Kadazandusun merupakan kumpulan etnik yang terbesar di Sabah maka *sudawil* (pantun) yang dominan dalam kalangan masyarakat pendukungnya tidak terkecuali daripada penyebarannya. *Sudawil* merupakan satu bentuk ekspresi pemikiran dan emosi yang disampaikan melalui penggunaan bahasa yang indah dan estetik, menjadikannya menarik untuk dibaca serta enak didengar (Taisin, 2014; Rosliah Kiting et al., 2016). Berdasarkan pemikiran dan pengalaman orang tua-tua tentang keindahan dan kehalusan bahasa yang tersembunyi, boleh dikatakan bahawa *sudawil* lahir daripada daya kreatif. *Sudawil* mudah melekat dalam ingatan dan merupakan khazanah warisan masyarakat kerana pemilihan kata-kata yang indah" (Taisin, 2014). Ini berbeza dengan pantun Melayu, yang biasanya terdiri daripada empat baris dengan pola rima a-b-a-b dan menyampaikan maksud yang tersusun dan jelas (Abdullah, 2018).

Walau bagaimanapun, *sudawil* turut mengandungi makna tersurat dan tersirat yang signifikan. Sebagai sebahagian daripada warisan budaya masyarakat Kadazandusun, *sudawil* wajar dipelihara dan dilestarikan agar tidak pupus ditelan zaman (Rosliah, 2016). Justeru, sebagai khazanah berharga, *sudawil* perlu dipelihara seterusnya dikembangkan agar dapat melalui proses penyesuaian semasa merentas zaman khasnya dari segi penelitian keindahan bahasa dan nilai (mesej) dengan pembangunan e-modul *sudawil* sebagai medium dalam pendidikan nilai-nilai murni (Fauziah, 2015). Rima dalam *sudawil* terdiri daripada dua komponen utama, iaitu

ponindu (pembayang) dan *toonsi* (isi). Secara umum, *ponindu* berperanan sebagai petunjuk awal yang membawa pendengar atau pembaca kepada maksud sebenar yang terkandung dalam *toonsi*. *Sudawil* mencerminkan pemikiran dan pandangan dunia masyarakat Kadazandusun pada masa lampau, dan berfungsi sebagai medium komunikasi lisan yang halus. Gaya bahasanya bersifat kiasan, bersifat mendidik dan menghibur, serta sarat dengan nilai-nilai murni yang mencerminkan budaya dan identiti etnik Kadazandusun. Oleh itu, pembangunan e-modul *sudawil* untuk pendidikan nilai-nilai murni mengikut kerangka SADDIECT merupakan salah satu alternatif untuk menggali nilai-nilai murni yang ada dalam *sudawil*.

Pelaksanaan Nilai Murni Dalam Kurikulum

Penerapan nilai murni dalam kurikulum pendidikan di Malaysia merupakan agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Nilai-nilai murni ini telah disepadukan secara eksplisit dan implisit dalam mata pelajaran teras dan elektif, aktiviti kokurikulum, serta pelbagai program pendidikan berasaskan nilai. Menurut Mohd Daud (2001), pendidikan nilai murni merupakan proses yang menyeluruh untuk membentuk watak, keperibadian dan akhlak individu. Dalam konteks kurikulum kebangsaan, nilai murni diterapkan melalui pendekatan integratif, iaitu menyepadukan elemen nilai dalam kandungan pengajaran, strategi pedagogi dan penilaian. Sebagai contoh, mata pelajaran seperti Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam menumpukan secara langsung kepada aspek nilai, manakala subjek seperti Bahasa Melayu, Sejarah dan Pendidikan Seni turut menyampaikan nilai murni melalui tema dan kandungan yang dikaitkan dengan kehidupan harian.

Robert Gagne menggunakan teori pembelajaran kognitif untuk menjelaskan pendekatan penerapan nilai murni ini. Teori ini menekankan betapa pentingnya struktur urutan pembelajaran untuk membina sikap dan kemahiran intelek. Menurut Gagné (1985), nilai dan sikap adalah salah satu hasil pembelajaran utama dan boleh dicapai melalui rangsangan yang berstruktur dan bertujuan dalam proses pengajaran. Penerapan nilai juga sejajar dengan Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura, yang menekankan pemerhatian dan peniruan sebagai cara murid mempelajari tingkah laku dan nilai sosial melalui model persekitaran seperti guru dan rakan sebaya (Bandura, 1977). Selain itu, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980) menegaskan bahawa pendidikan bukan semata-mata proses penyampaian ilmu, tetapi bertujuan menyucikan jiwa dan membentuk insan yang beradab. Nilai murni seperti amanah, hormat, bertanggungjawab, dan kasih sayang bukan sahaja ditanam untuk membentuk peribadi individu, tetapi juga berfungsi sebagai asas kepada pembentukan masyarakat yang harmoni dan beretika.

Pembelajaran tanpa *sudawil* boleh memberi kesan terhadap prestasi murid dalam penguasaan nilai murni kerana *sudawil* adalah bentuk ekspresi budaya yang kaya dengan simbolisme, kiasan, dan nilai-nilai kehidupan yang dapat membentuk keperibadian individu. *Sudawil* mengandungi nilai-nilai yang mendalam yang disampaikan melalui penggunaan bahasa yang indah dan estetik, dan ia berfungsi sebagai alat yang berkesan dalam mendidik murid tentang norma sosial dan budaya mereka. Tanpa elemen *sudawil*, yang merupakan khazanah budaya masyarakat Kadazandusun, pelajar mungkin kehilangan satu medium penting dalam pembelajaran yang menggabungkan nilai moral, estetika bahasa, dan pendidikan berbentuk budaya.

Sudawil boleh dilihat sebagai alat pengajaran yang mengintegrasikan pemikiran, emosi, dan budaya dalam satu bentuk yang kreatif dan menarik. Oleh itu, pembelajaran tanpa *sudawil* mungkin menyebabkan pengajaran nilai murni menjadi lebih kering dan kurang menarik, kerana murid tidak dapat mengalami bentuk ekspresi budaya yang kaya ini. Ini dapat menjejaskan motivasi murid serta pemahaman mereka terhadap nilai-nilai murni, kerana mereka kehilangan satu bentuk pengajaran yang berakar pada budaya dan tradisi mereka sendiri. Berikut adalah ringkasan beberapa kajian terdahulu yang relevan dengan penerapan nilai murni dalam pendidikan dan peranan *sudawil* dalam pengajaran bahasa dan budaya:

Kajian	Penemuan	Sumber
Mohd Daud (2001)	Pendidikan nilai murni membentuk watak, keperibadian, dan akhlak individu.	Mohd Daud (2001)
Robert Gagne (1985)	Pembelajaran kognitif penting untuk membina sikap dan kemahiran intelek.	Gagne (1985)
Albert Bandura (1977)	Pembelajaran sosial melalui pemerhatian dan peniruan tingkah laku.	Bandura (1977)
Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980)	Pendidikan bertujuan menyucikan jiwa dan membentuk insan beradab.	Al-Attas (1980)

Sudawil dapat dipamerkan melalui contoh yang memperlihatkan bagaimana *sudawil* ini berfungsi dalam mengajarkan nilai-nilai murni, seperti melalui pembelajaran bahasa, nilai moral, dan pengalaman budaya masyarakat Kadazandusun. Contoh *sudawil* boleh dipaparkan dalam bentuk rajah, foto, atau video untuk memperlihatkan penggunaannya dalam pendidikan nilai.

Contoh *sudawil*:

Ponindu (Pembayang):

Tanak songkukul kukul,

(Anak batuk-batuk)

Waig solunsug tumuru',

(Air solunsung mengalir)

Toonsi

Kada' kogorot momopol,

(Jangan suka mengata)

Tu' ogulian ko moti'.

(Nanti kau kebalikan)

(Isi):

Sudawil ini bermaksud kita tidak seharusnya suka mengata atau mengkritik orang lain, kerana akibatnya boleh berbalik kepada kita. Mengata orang akan membawa kesan buruk kepada diri sendiri, mungkin dalam bentuk penyesalan atau karma yang tidak diinginkan. Dengan memasukkan *sudawil* dalam kurikulum pendidikan, murid akan lebih terdedah kepada cara-cara yang kreatif dalam memahami dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka. Pembangunan e-modul *sudawil* dalam pengajaran nilai murni akan membawa pendekatan yang lebih kontekstual dan budaya dalam proses pendidikan.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan keperluan pengkaji untuk mendapatkan data bagi menghasilkan e-modul *sudawil* untuk pendidikan nilai-nilai murni berdasarkan kerangka SADDIECT. Reka bentuk dan pembangunan e-modul dalam kajian ini memfokuskan kepada proses pembangunan produk yang melibatkan beberapa fasa yang menggunakan metodologi berbeza untuk tujuan pengumpulan data.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian pembangunan e-modul yang berasaskan model reka bentuk instruksional ADDIE. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif untuk mengukur keperluan dan kesesuaian pembangunan e-modul *sudawil* sebagai alat untuk pendidikan nilai murni di kalangan murid sekolah rendah tahap dua. Data diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada guru Bahasa Kadazandusun, yang dipilih sebagai responden utama kajian. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan pengajaran nilai murni melalui *sudawil*, dengan memberi perhatian khusus kepada penerapan nilai-nilai dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini dijalankan dalam tempoh tiga bulan, bermula dari Januari hingga Mac 2024, yang melibatkan fasa pengumpulan data dan analisis kuantitatif untuk menentukan keperluan pembangunan e-modul *sudawil*. Lokasi kajian ini terletak di dua daerah di Sabah, iaitu Ranau dan Kota Marudu, yang merupakan kawasan luar bandar dengan populasi guru Bahasa Kadazandusun yang signifikan. Pemilihan daerah ini dibuat berdasarkan kepadatan guru yang terlibat dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun dan ketersediaan maklumat yang relevan untuk kajian ini. Sumber data utama dalam kajian ini adalah soal selidik yang telah dibangunkan untuk mengukur persepsi guru terhadap keperluan pembangunan e-modul *sudawil*. Seramai 44 guru Bahasa Kadazandusun dari sekolah-sekolah di daerah Ranau dan Kota Marudu dipilih sebagai responden kajian. Soal selidik ini mengandungi soalan yang bertujuan untuk mengukur keperluan penggunaan *sudawil* dalam pengajaran nilai murni. Setiap soalan dalam soal selidik menggunakan skala Likert lima tahap (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju) untuk menilai pandangan dan sikap guru terhadap pengajaran nilai melalui *sudawil*. Data yang dikumpul melalui soal selidik dianalisis menggunakan analisis deskriptif kuantitatif. Perisian IBM SPSS versi 26 digunakan untuk mengira statistik deskriptif yang menggambarkan persepsi guru terhadap keperluan pembangunan e-modul *sudawil*. Analisis ini memberikan gambaran yang jelas mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keperluan pembangunan modul ini di kalangan guru-guru yang terlibat dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun. Menurut Pallant (2020), penggunaan perisian SPSS memastikan ketepatan dalam pengiraan statistik serta mempercepatkan proses analisis data kuantitatif. Proses kajian ini dijalankan mengikut langkah-langkah yang jelas, yang boleh digambarkan dalam bentuk aliran proses berikut:

Peringkat Perancangan:

- Penetapan objektif kajian dan pembangunan soal selidik
- Penyediaan sampel responden (44 guru Bahasa Kadazandusun)
- Pengedaran soal selidik kepada responden yang terpilih

Peringkat Pengumpulan Data:

- Pengumpulan soal selidik yang telah dijawab oleh guru-guru
- Pengumpulan data dilakukan secara digital.

Peringkat Analisis Data:

- Memasukkan data ke dalam perisian SPSS
- Melakukan analisis deskriptif untuk menentukan keperluan dan persepsi guru
- Menginterpretasi hasil analisis kuantitatif

Peringkat Pelaporan

- Menyusun hasil analisis dan menyediakan laporan akhir kajian
- Menyediakan cadangan berdasarkan hasil kajian

Kebolehpercayaan Instrumen Alpha Cronbach Bagi Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan E-Modul Sudawil Untuk Pendidikan Nilai-Nilai Murni Mengikut Kerangka SADDIECT

Menurut Louis (2018) nilai kebolehpercayaan adalah dari 0 (tiada kebolehpercayaan dalaman) sehingga 1.0 (kebolehpercayaan dalaman yang sempurna). Dalam kajian ini, nilai pekali lebih daripada 6.0 digunakan. Jadual 1 menunjukkan klasifikasi indeks kebolehpercayaan.

Jadual 1: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai pekali Cronbach Alpha (α)
Sangat Tinggi	0.90-1.00
Tinggi	0.70-00.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	0.0-0.29

Sumber: Babbie (1992); Sekaran(2003); Mohd Majid (2005); Creswell (2012))

Hasil daripada analisis kebolehpercayaan item soal selidik mengenai keperluan pembangunan e-modul *sudawil* untuk pendidikan nilai-nilai murni berdasarkan kerangka SADDEICT menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai pekali alfa Cronbach bagi item soal selidik bernilai .961.

Jadual 2: Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Konstruk	Bilangan Item	Cronbach Alpha (α)
Analisis Keperluan Pembangunan e-modul <i>sudawil</i> untuk pendidikan nilai-nilai murni berdasarkan kerangka SADDIECT	23	.961

Jadual di atas menunjukkan instrumen soal selidik yang digunakan oleh pengkaji mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi mengikut klasifikasi Babbie (1992). Oleh itu, kesemua 23 item dikekalkan dan sangat konsisten digunakan untuk proses memungut data.

Fasa Analisis (Fasa Permulaan Kajian)

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk instruksional berasaskan kerangka ADDIE, yang merangkumi lima fasa utama iaitu Analisis (*Analysis*), Reka Bentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Pelaksanaan (*Implementation*) dan Penilaian (*Evaluation*) (Branch, 2009). Bagi tujuan kajian ini, tumpuan hanya diberikan kepada fasa pertama iaitu fasa Analisis, yang berperanan penting dalam mengenal pasti keperluan pengguna, masalah pembelajaran dalam kalangan murid, serta ciri-ciri e-modul yang diharapkan oleh guru. Seperti yang dinyatakan oleh Juppri dan Zainiah (2016) serta Roslin dan Adenan (2019), fasa Analisis berfungsi untuk mengenal pasti isu-isu utama dalam proses pembelajaran, di samping merangka cadangan penyelesaian yang sesuai bagi menangani permasalahan tersebut.

Dalam konteks pembangunan e-modul *sudawil* bagi tujuan pendidikan nilai-nilai murni murid tahap dua sekolah rendah, fasa ini melibatkan proses penentuan serta pengkajian terhadap keperluan pengguna, sebagaimana yang disarankan oleh Hoffer, George dan Valacich (2011). Oleh itu, guru-guru Bahasa Kadazandusun tahap dua telah dipilih sebagai responden kajian ini, selaras dengan pandangan Morrison, Ross dan Kemp (2007) yang menegaskan bahawa pemilihan responden harus melibatkan individu yang mempunyai pengetahuan langsung serta maklumat yang autentik berkaitan isu pembelajaran yang dikaji, terutamanya dalam konteks pengajaran *sudawil*.

Dapatan Kajian

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Bahagian ini merangkumi latar belakang responden yang terdiri daripada empat item.

Jadual 3: Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden		Frekuensi (N)	Peratusan (%)
1. Jantina	Perempuan	26	59.1
	Lelaki	18	40.9
	Sijil	6	13.6
	Perguruan		
2. Kelulusan Ikhtisas Perguruan	KDPM	0	0
	KPLI	2	4.5
	ISMP	36	81.8
	1-5 tahun	38	86.4
3. Pengalaman Mengajar	6-10 tahun	6	13.6
	11-15 tahun	0	0

Pernah Menghadiri Kursus Subjek	Pernah	33	75
4. Bahasa Kadazandusun	Tidak	11	25
	Pernah		

Berdasarkan Jadual 3, majoriti responden merupakan guru perempuan iaitu sebanyak 59.1%, manakala guru lelaki berjumlah 40.9%. Kesemua responden terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di daerah Ranau dan Kota Marudu, Sabah. Dari segi kelayakan akademik, kebanyakan responden memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (81.8%), diikuti oleh Sijil Perguruan (13.6%) dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) sebanyak 4.5%. Selain itu, majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun (86.4%), manakala selebihnya mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun (13.6%). Dalam aspek pembangunan profesional, didapati bahawa sebahagian besar responden (75%) pernah menghadiri kursus berkaitan pengajaran subjek Bahasa Kadazandusun, manakala hanya 25% responden tidak pernah mengikuti kursus tersebut.

Jadual 4: Kesukaran Murid dalam Pembelajaran *Sudawil*

Item	N	Min	sp
Murid tidak mengetahui <i>sudawil</i> .	44	3.80	1.05
Murid tidak pasti cara <i>sudawil</i> dilagukan.	44	4.14	0.77
Murid tidak tahu <i>misudawil</i> . (Berpantun dalam bahasa Kadazandusun).	44	3.98	0.95
Murid tidak memahami nilai-nilai murni yang ada dalam <i>sudawil</i> .	44	4.32	0.71
Murid kurang faham makna <i>sudawil</i> .	44	4.27	0.73
Murid tidak memahami makna yang tersurat dan tersirat dalam <i>sudawil</i>	44	4.32	0.67
Murid tidak tahu nilai-nilai yang ada dalam <i>sudawil</i> .	44	4.07	1.02
Murid mempunyai masalah mengingat semula struktur <i>sudawil</i> yang telah dipelajari.	44	3.75	1.00
Murid lambat mengingat semula struktur <i>sudawil</i> yang telah dipelajari.	44	3.70	0.95
Murid tidak tahu jenis-jenis <i>sudawil</i> .	44	4.25	0.65

Hasil daripada jadual 4 menunjukkan bahawa murid secara keseluruhan menghadapi tahap kesukaran yang tinggi dalam pembelajaran *sudawil*, dengan majoriti item yang dikaji mendapat nilai min melebihi 4.00. Hal ini menunjukkan bahawa guru menyedari wujudnya pelbagai cabaran yang dihadapi oleh murid dalam menguasai *sudawil*. Antara kesukaran utama yang dikenal pasti ialah ketidakfahaman murid terhadap nilai-nilai murni yang terkandung dalam *sudawil* (min = 4.32, sp = 0.71) serta makna tersurat dan tersirat yang terdapat dalam kandungan *sudawil* (min = 4.32, sp = 0.67). Ini menunjukkan bahawa murid bukan sahaja menghadapi cabaran dalam aspek literal, tetapi juga dalam aspek interpretatif dan nilai, yang memerlukan kepekaan bahasa dan budaya yang tinggi.

Selain itu, murid turut didapati kurang memahami makna *sudawil* secara keseluruhan (min = 4.27) serta tidak mengetahui jenis-jenis *sudawil* yang wujud dalam tradisi lisan Kadazandusun (min = 4.25). Keadaan ini menandakan bahawa terdapat jurang pengetahuan asas tentang *sudawil* dalam kalangan murid. Dalam aspek penyampaian dan persembahan pula, guru

melaporkan bahawa murid tidak pasti tentang cara *sudawil* dilagukan (min = 4.14), menunjukkan bahawa aspek musikaliti dan ritma dalam *sudawil* juga menjadi cabaran pembelajaran yang ketara. Tambahan lagi, murid tidak tahu nilai-nilai yang terdapat dalam *sudawil* (min = 4.07), serta tidak mengetahui maksud misudawil iaitu berpantun dalam bahasa Kadazandusun (min = 3.98), sekali gus mencerminkan kelemahan dalam penguasaan istilah dan konsep asas tradisi ini.

Dua item yang mencatatkan min terendah ialah murid mempunyai masalah mengingat semula struktur *sudawil* yang telah dipelajari (min = 3.75) dan murid lambat mengingat semula struktur *sudawil* (min = 3.70). Walaupun nilai ini sedikit lebih rendah berbanding item lain, ia masih berada pada tahap sederhana tinggi, menunjukkan kesukaran dalam aspek pengingatan dan pengulangan struktur lisan *sudawil*. Secara keseluruhannya, data ini mencadangkan bahawa murid menghadapi cabaran menyeluruh yang merangkumi pengetahuan asas, penghayatan makna, pemahaman nilai, kemahiran persembahan, serta pengingatan semula kandungan *sudawil*. Dapatan ini memberikan justifikasi yang kukuh terhadap keperluan pembangunan bahan bantu mengajar seperti e-modul yang lebih sistematik, interaktif dan kontekstual bagi membantu murid memahami serta menguasai kandungan *sudawil* dengan lebih berkesan.

Jadual 5: Ciri-Ciri E-Modul Yang Guru Hasratkan Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran *Sudawil* Tahap Dua Sekolah Rendah

Item	N	Min	sp
Objektif pembelajaran yang dinyatakan dengan jelas membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai <i>sudawil</i> .	44	4.34	0.61
Penggunaan teknologi membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai <i>sudawil</i> .	44	4.48	0.55
Penggunaan animasi membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai <i>sudawil</i> .	44	4.48	0.60
Penggunaan audio membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai <i>sudawil</i> .	44	4.55	0.55
Penggunaan warna yang bersesuaian membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai <i>sudawil</i> .	44	4.43	0.66
Pembelajaran secara penerokaan membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai <i>sudawil</i> .	44	4.40	0.62
Keupayaan interaksi e-modul membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai <i>sudawil</i> .	44	4.41	0.54
Maklum balas daripada latih tubi membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai <i>sudawil</i> .	44	4.41	0.54
Penilaian sendiri di dalam e-modul membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai <i>sudawil</i> .	44	4.36	0.61
Ujian dalam e-modul membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai <i>sudawil</i> .	44	4.32	0.64
Panduan penggunaan e-modul yang diberikan adalah mesra pengguna.	44	4.25	0.62
Rancangan pengajaran Harian (RPH) bersesuaian dengan e-modul yang disediakan.	44	4.30	0.67

Cadangan aktiviti dalam e-modul tersebut mencukupi.	44	4.14	0.88
---	----	------	------

Dapatan kajian menunjukkan bahawa para guru mempunyai harapan yang tinggi terhadap pembangunan e-modul *sudawil* yang dapat menyokong penguasaan pengetahuan murid secara berkesan. Secara keseluruhan, nilai min bagi setiap item berada dalam julat yang tinggi, iaitu melebihi 4.00, yang menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap kepentingan ciri-ciri tersebut dalam e-modul. Ciri yang paling tinggi dipersetujui ialah penggunaan audio dalam e-modul yang dianggap sangat membantu penguasaan pengetahuan murid mengenai *sudawil*, dengan min 4.55 dan sisihan piawai 0.55. Ini diikuti rapat oleh penggunaan teknologi dan penggunaan animasi, masing-masing dengan min 4.48. Kedua-dua elemen ini menunjukkan bahawa guru mengutamakan elemen interaktif dan visual yang menarik dalam penyampaian kandungan *sudawil* sesuai dengan gaya pembelajaran murid abad ke-21.

Seterusnya, penggunaan warna yang bersesuaian (min = 4.43), pembelajaran secara penerokaan (min = 4.40), serta keupayaan interaktif e-modul (min = 4.41) turut dianggap penting dalam meningkatkan penguasaan pengetahuan murid. Ini mencerminkan keperluan kepada reka bentuk antara muka yang mesra pengguna, dinamik dan membolehkan murid terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Dari segi ciri pentaksiran dan maklum balas, guru menyatakan persetujuan tinggi terhadap maklum balas daripada latih tubi (min = 4.41), penilaian sendiri (min = 4.36), dan ujian dalam e-modul (min = 4.32) sebagai mekanisme penting untuk mengukuhkan pemahaman murid secara berterusan. Keupayaan e-modul menyediakan ruang refleksi dan penilaian sendiri menunjukkan bahawa elemen formatif dianggap signifikan oleh guru dalam membina penguasaan *sudawil* secara progresif.

Objektif pembelajaran yang dinyatakan dengan jelas juga memperoleh min tinggi (4.34), memperlihatkan keperluan kepada hala tuju yang jelas dalam setiap unit pengajaran yang dibangunkan. Manakala rancangan pengajaran harian (RPH) yang sejajar dengan e-modul mencatatkan min 4.30, menunjukkan bahawa guru menekankan kesinambungan antara bahan digital dengan pelaksanaan pengajaran sebenar di bilik darjah. Walaupun semua item menunjukkan tahap keperluan yang tinggi, item yang mencatatkan min terendah ialah cadangan aktiviti dalam e-modul (min = 4.14, sp = 0.88), namun nilai ini masih berada pada tahap tinggi. Ini memberi isyarat bahawa guru mengharapkan agar aktiviti dalam e-modul diperbanyakkan atau dipelbagaikan bagi memenuhi keperluan murid dengan pelbagai tahap kebolehan. Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan bahawa guru mengharapkan e-modul yang komprehensif, interaktif dan mesra pengguna, yang bukan sahaja menyampaikan kandungan *sudawil* secara berkesan, tetapi juga menyokong pembelajaran murid melalui elemen audio-visual, penilaian formatif, dan kesesuaian dengan pelaksanaan pengajaran sebenar.

Perbincangan

Hasil analisis keperluan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa pembangunan e-modul *sudawil* berpotensi besar dalam membantu murid sekolah rendah tahap dua mempelajari serta menghayati nilai-nilai murni. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa 100% responden dalam kalangan guru bersetuju sepenuhnya bahawa e-modul *sudawil* yang dibangunkan berdasarkan kerangka SADDIECT wajar dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Hasilnya menunjukkan bahawa guru sedar betapa pentingnya *sudawil* sebagai medium untuk menyebarkan nilai, bahasa dan budaya.

Pembelajaran *sudawil* dalam kalangan murid sangat signifikan kerana kandungan *sudawil* tidak hanya bersifat sastra lisan, tetapi juga menyampaikan kata-kata indah, pengajaran moral, nilai murni serta semangat jati diri yang perlu didedahkan kepada murid sejak peringkat awal persekolahan. Seperti yang dinyatakan oleh Aripin Said (2004), pantun atau puisi rakyat berupaya membentuk budi pekerti masyarakat dan menyelitkan unsur-unsur pendidikan yang membina dalam jiwa pendengar dan penutur.

Penggabungan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) *sudawil* adalah penting seiring dengan pertumbuhan pesat TMK. Aplikasi TMK secara bijaksana mampu menjadikan proses PdP lebih interaktif, efektif dan menarik, sekali gus membantu murid memahami kandungan *sudawil* dengan lebih pantas dan berkesan. Pendekatan ini juga mampu meningkatkan motivasi murid, khususnya mereka yang berada di kawasan luar bandar yang sering berdepan dengan keterbatasan sumber pembelajaran konvensional.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan penemuan Wan Suhaimi (2017) yang menyatakan bahawa penyediaan murid bagi menghadapi cabaran masa depan memerlukan satu persekitaran pembelajaran yang bersifat kontemporari, dengan penggunaan pelbagai strategi, media, perisian dan alatan TMK. Oleh yang demikian, e-modul *sudawil* yang dibangunkan perlu mengintegrasikan komponen TMK secara menyeluruh dan terancang agar pengajaran nilai-nilai murni melalui *sudawil* dapat disampaikan dengan lebih efektif, sejajar dengan keperluan pembelajaran abad ke-21.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian analisis keperluan ini telah berjaya mengenal pasti isu utama yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran *sudawil*. Dapatan daripada analisis soal selidik menunjukkan bahawa majoriti guru mempunyai persepsi yang seragam terhadap permasalahan yang dihadapi oleh murid. Antara masalah yang dikenal pasti termasuklah murid tidak mengetahui tentang *sudawil*, kurang memahami kaedah melagukan *sudawil*, serta tidak dapat menafsirkan makna tersurat dan tersirat yang terkandung dalam kandungan *sudawil*. Selain itu, kajian ini turut mendedahkan bahawa pendedahan terhadap *sudawil* Kadazandusun dalam kalangan murid sekolah rendah tahap dua masih rendah dan tidak mencukupi.

Pemahaman murid tentang budaya, bahasa dan prinsip yang terkandung dalam warisan sastra lisan boleh terjejas oleh kekurangan pendedahan ini. Sehubungan itu, pembangunan e-modul *sudawil* untuk pendidikan nilai-nilai murni yang dibangunkan berasaskan kerangka SADDIECT diharapkan dapat menjadi satu intervensi yang berkesan. E-modul ini berpotensi untuk mengatasi masalah pembelajaran yang dikenal pasti, serta menyokong usaha pemeliharaan dan pemantapan bahasa dan budaya etnik Kadazandusun dalam kalangan generasi muda.

Penghargaan

Para penulis ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas sokongan dan peluang yang diberikan dalam melaksanakan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tulus juga ditujukan kepada semua guru Bahasa Kadazandusun yang telah menjadi responden kajian ini, yang tanpa kerjasama mereka, kajian ini tidak dapat dijalankan. Selain itu, penghargaan juga diberikan kepada penyelia yang

telah memberikan bimbingan dan nasihat yang sangat berharga sepanjang proses penyelidikan ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan dalam menjayakan kajian ini, serta memberi sumbangan berharga dalam penghasilan e-modul ini untuk pendidikan nilai-nilai murni dalam kalangan murid sekolah rendah.

Rujukan

- Abdullah, A. A. (2018). *Pantun Melayu: Struktur dan Fungsi*. Penerbit XYZ.
- Babbie, E. (1992). *The practice of social research*. Wadsworth Publishing Company.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional design: The ADDIE approach*. Springer.
<https://doi.org/10.1007/978-0-387-09506-6>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research methods in education* (6th ed.). Routledge.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research methods in education* (8th ed.). Routledge. Retrieved February 22, 2023, daripada <https://www.routledge.com/cw/cohen>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Pearson Education, Inc.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Pearson Education Limited.
- Fauziah, S. (2015). *Penyelidikan tentang Sudawil dalam Pendidikan Nilai Murni*. Penerbit ABC.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2015). *How to design and evaluate research in education* (9th ed.). McGraw-Hill Education.
- Gagné, R. M. (1985). *The conditions of learning and theory of instruction* (4th ed.). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Hoffer, J. A., George, J. F., & Valacich, J. S. (2011). *Modern systems analysis and design* (7th ed.). Prentice Hall.
- Juppri, B., & Zainiah, M. I. (2016). Aplikasi model ADDIE dalam pembangunan modul literasi awal (Modul Lit-A) untuk awal kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 5, 30–48.
- Juppri, Z., & Zainiah, A. (2016). Analisis keperluan dalam reka bentuk pembangunan modul pembelajaran STEM. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 6(1), 23–32.
- Kavitha, R., & Adenan, A. (2018). Pengenalpastian impak penggunaan eksplorasi digital dan maya terhadap kebolehcapaian murid dalam penulisan karangan fakta. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 3(9), 37–53.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kitingan, J. P. (1982). *General introduction to the culture and custom of the natives of Sabah: The Kadazan (Dusun) our cultural heritage*. Sabah Kadazan Cultural Association.
- Mohd Daud, A. W. (2001). *Pendidikan nilai dan etika*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morrison, G. R., Ross, S. M., & Kemp, J. E. (2007). *Designing effective instruction* (5th ed.). John Wiley & Sons.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). Routledge.

- Roslia Kiting, et al. (2016). *Peranan talaala dalam masyarakat Kadazandusun*. Jurnal Kajian Etnik, 12(2), 45-58. <https://doi.org/10.1016/j.ethnography.2016.01.003>
- Roslia, K. (2016). *Warisan Budaya Kadazandusun: Peranan Sudawil dalam Pembentukan Identiti*. Jurnal Sosiobudaya, 30(2), 45-56.
- Roslin, R., & Adenan, A. (2019). Analisis keperluan dalam pembangunan modul pengajaran berasaskan teknologi. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 21(2), 45–55.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach*. John Wiley & Sons. <https://doi.org/10.1108/17506200710779521>
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1980). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Taisin, N. J. (2014). *Genre puisi lisan tradisional Kadazandusun (Sudawil): Bahasa perlambangan dalam Sudawil percintaan dan kasih sayang dari dimensi alam dan budaya*. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 134, 291–297. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.251>
- Taisin, N. J. (2014). *Sudawil: Analisis Dari Aspek Makna*. Universiti Malaysia Sabah.
- Unit Bahasa Etnik. (2007). *Laporan mesyuarat pegawai bahasa Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan/Daerah Kecil: Status pelaksanaan mata pelajaran bahasa etnik di sekolah (Iban, Kadazandusun dan Semai)*. Holiday Inn Kuching, 6–9 Mei 2007. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2004). *Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu sekolah menengah* (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia).